

TAKAFULINK DANA EKUITI PLUS

All information as at 31 August 2023 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Ogos 2023 melainkan jika dinyatakan

Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Ekuiti Plus aims to maximise long-term returns through investing into a portfolio of domestic and foreign assets including Shariah-compliant equities and Shariah-compliant equity related securities, Islamic deposits, or any other Islamic financial instruments directly, and/or indirectly through the use of any Islamic funds such as investment-linked funds set up by us, Islamic collective investment schemes and/or exchange traded funds.


Takafulink Dana Ekuiti Plus bertujuan untuk memaksimumkan pulangan jangka panjang dengan melabur dalam portfolio aset tempatan dan asing termasuk ekuiti patuh Shariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Shariah, deposit Islam, atau sebarang instrumen kewangan Islam lain secara langsung, dan/atau tidak langsung melalui pelaburan dalam mana-mana dana Islam seperti dana-dana berkaitan pelaburan yang ditubuhkan oleh kami, skim pelaburan kolektif Islam dan/ atau dana-dana dagangan bursa.

Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring AI-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	18/09/2021
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM7,568,739.44
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.50% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM0.93392

How the Fund has performed / Prestasi Dana


Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana
Takafulink Dana Ekuiti Plus Vs. 80% FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah Index (FBMS) + 20% MSCI World Islamic Index



Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	0.15%	3.42%	3.75%	5.85%	NA	NA	-6.61%
Benchmark / Penanda Aras	-0.14%	3.85%	4.07%	5.44%	NA	NA	-9.29%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	0.29%	-0.43%	-0.32%	0.41%	NA	NA	2.68%

Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Eastspring Investments Dana al-Ilham	80.00
2 iShares MSCI World Islamic UCITS ETF	20.36
3 Cash, Deposits & Others	-0.36

TAKAFULINK DANA EKUITI PLUS

All information as at 31 August 2023 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Ogos 2023 melainkan jika dinyatakan

Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

Market Review

Malaysian equity markets outperformed regional markets for the second consecutive month in August. Malaysia had an eventful month where the State Elections were held in 6 states, which resulted in a status quo outcome: PH/BN won 3 states and PN won 3 states as well. The government launched Phase 2 of National Energy Transition Roadmap ("NETR") end of August, providing some details on the energy exchange hub to enable cross border RE trading, with the Prime Minister hinting that the Energy Exchange will hopefully be expedited to ready by end 2023. The surprise for the month was the M&As announced. KLK announced that they will be acquiring a 33% +1 share in Boustead Plantations (with intention to acquire the remaining shares not owned, acting in concert with LTAT), and Sime Darby is proposing to take over UMW. The Malaysian Ringgit depreciated 3.1%, after hitting a low of RM4.507/USD on 31 July 2023, and foreign investors were net buyers of Malaysian equities of RM0.2b, the second consecutive month of inflows. The FBM Emas Shariah Index closed the month at 10,920.64, down 0.29% mom. The FBM Small Cap Shariah index rose by 3.77% for the month and outperformed the FBM Emas Shariah Index.

Market Outlook

Global political issues continue to fester, without any resolution of the Russia-Ukraine conflict, and US-China relations remain tense. There are still some diverging views on the risk of a recession, but for now, economic data from the US still points to resilience, and inflation expectations have been tempered, although this remains fluid with continued volatility in commodities such as grains and oil. Domestically, equity markets were resilient in August with a lot of news flow from the government and corporate M&As announced. We have 2 by-elections which will again provide a further signal for the incumbent government on sentiment towards them. Nevertheless, expect the Federal Unity government to continue their administration. The recent reforms announced by the government are setting the macro framework for Malaysia, which is a step in the right direction, but more details are required. We are cautiously optimistic on the outlook but continue to monitor the external environment.

Fund Review & Strategy

The Fund returned 0.15% for the month, outperforming the benchmark return of -0.14% by 0.29%. Year-to-date, the fund returned 4.31%, outperforming the benchmark return of 4.03% by 0.28%. The outperformance in August was mainly due to security selection within local equity fund and currency effect. Global equities declined in August with the Asian markets underperforming their developed peers. Weak Chinese macro data, combined with renewed stress in the country's property market, weighed heavily on risk sentiment over the month. Markets have shifted towards a higher probability of a soft landing for US, but the upturn remains relatively weak. Slower-than-anticipated economic recovery in China also weighed on risk sentiment. Locally, the recent reforms announced by the government is setting the macro framework in the right direction, however, details on execution are required. We continue to hold a neutral stance on global equities and Malaysian equities.

Tinjauan Bulanan

Pasaran ekuiti Malaysia mengatasi prestasi pasaran serantau buat bulan kedua berturut-turut pada Ogos. Malaysia menelusuri bulan yang sarat peristiwa sementelah Pilihan Raya Negeri diadakan di 6 buah negeri, yang menghasilkan keputusan status quo: PH/BN memenangi 3 negeri manakala PN memenangi 3 negeri juga. Kerajaan melancarkan Fasa 2 Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara ("NETR") pada akhir Ogos, memberikan beberapa butiran mengenai hab pertukaran tenaga untuk membolehkan perdagangan Tenaga Boleh Diperbaharui merentas sempadan, dengan Perdana Menteri membayangkan bahawa kesiagaan Bursa Tenaga diharap dapat dipercepat menjelang akhir 2023. Dalam satu langkah mengejut, KLK mengumumkan bahawa ia akan memperoleh 33% +1 saham dari Boustead Plantations (dengan niat untuk memperoleh baki saham yang tidak dimiliki, bertindak seiring LTAT), dan Sime Darby bercadang untuk mengambil alih UMW. Ringgit Malaysia menyusut 3.1%, selepas mencecah paras terendah RM4.507/USD pada 31 Julai 2023, manakala pelabur asing merupakan pembeli bersih ekuiti Malaysia bernilai RM0.2 bilion, aliran masuk ekuiti Malaysia bernilai RM0.2 bilion, aliran masuk bulan kedua berturut-turut. Indeks FBM Emas Shariah menutup bulan dagangan pada 10,920.64, turun 0.29% MoM. Indeks FBM Small Cap Shariah meningkat 3.77%, mengatasi prestasi Indeks FBM Emas Shariah.

Gambaran Bulanan

Isu politik global terus membarah, tanpa sebarang penyelesaian konflik Rusia-Ukraine, manakala hubungan US-China kekal tegang. Masih terdapat pandangan yang berbeza tentang risiko kemelesetan, tetapi buat masa ini, data ekonomi US masih menunjukkan kemampunan, dan jangkaan ketegangan inflasi telah pun mengendur, walaupun ianya masih berkocak lantaran ketidakpastian komoditi seperti bijirin dan minyak. Di dalam negeri, pasaran ekuiti mampun pada Ogos dengan aliran berita yang bertalu-talu daripada kerajaan dan pengumuman M&A korporat. Dua pilihan raya kecil yang berlangsung sekali lagi akan memberi isyarat kepada kerajaan sedia ada mengenai sentimen terhadap mereka. Namun begitu, penerusan pentadbiran kerajaan Perpaduan Persekutuan dijangkakan. Pembaharuan yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini menetapkan rangka kerja makro buat Malaysia, satu langkah pada arah yang betul, tetapi butiran lanjut diperlukan. Kami berhati-hati meskipun optimistik terhadap prospek namun terus memantau persekitaran luaran.

Tinjauan dan Strategi Dana

Dana menjana pulangan 0.15% pada bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras -0.14% sebanyak 0.29%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana menghasilkan 4.31%, mengatasi pulangan penanda aras 4.03% sebanyak 0.28%. Prestasi baik pada Ogos disumbangkan terutamanya oleh pemilihan sekuriti dalam dana ekuiti tempatan dan kesan mata wang. Ekuiti global merosot pada Ogos dengan prestasi pasaran Asia yang tidak mengatasi rakan setera pasaran maju. Data makro China yang lemah digabungkan dengan tekanan baharu dari pasaran hartanah negara, memberi kesan besar kepada sentimen risiko di sepanjang bulan. Pasaran telah beralih kepada kebarangkalian pendaratan lembut buat US, tetapi peningkatan kebarangkalian itu secara relatif masih lagi lemah. Pemulihan ekonomi China yang lebih perlahan daripada jangkaan turut mempengaruhi sentimen risiko. Di peringkat tempatan, pembaharuan yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini sedang menetapkan rangka kerja makro ke arah yang betul, namun butiran mengenai pelaksanaan diperlukan. Kami terus berpendirian neutral terhadap ekuiti global dan ekuiti Malaysia.

Source / Sumber: Fund Commentary, August 2023, Eastspring AI-Wara' Investments Berhad

TAKAFULINK DANA EKUITI PLUS

All information as at 31 August 2023 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Ogos 2023 melainkan jika dinyatakan

Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL